



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL

TIMBALAN PERDANA MENTERI

MERANGKAP

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT

SELAKU

PENGERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA, MALAYSIA

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN *BETTER BRIGHTER ANJUNG KASIH YKN @
HOSPITAL SERDANG.*

28 September 2018 / JUMAAT

SALUTASI (Akan disediakan kemudian)

KATA-KATA ALUAN

Bismillahirrahmanirrahim

1. Terima kasih kepada tuan Pengacara Majlis;
2. Alhamdulillah, hari ini merupakan hari yang cukup bermakna kepada kita semua kerana kita dapat menyaksikan hasil kerjasama strategik pelbagai pihak dalam membantu golongan yang memerlukan khususnya waris pesakit yang menemani ahli keluarga yang sedang menerima rawatan di Hospital Serdang.
3. Gandingan kerjasama sektor Kerajaan, Syarikat Korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) melalui perkongsian sumber seumpama ini wajar dijadikan contoh dan model terbaik dalam menghasilkan satu projek pembangunan yang dapat memberi manfaat kepada orang ramai khususnya mereka yang memerlukan bantuan.

UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA TENAGA NASIONAL BERHAD

Hadirin dan hadirin yang dikasihi sekalian

4. Terima kasih dan tahniah kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang telah menyumbang dana bagi mewujudkan dan menjayakan projek yang dikenali sebagai *'Better Brighter Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang'*.
5. Terima kasih juga kepada TNB kerana sudi membiayai kos menaiktarafkan bangunan dan kos penyelenggaraan Anjung Kasih ini bagi tempoh lima tahun mulai hari ini.

UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Hadirin dan hadirin yang dikasihi sekalian

6. Ucapan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khususnya pihak Hospital Serdang kerana telah berjaya bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad untuk melaksanakan projek *'Better Brighter Anjung Kasih @ Hospital Serdang'*.

PROJEK ANJUNG KASIH YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA (YKN)

Hadirin dan hadirin yang dikasihi sekalian

7. Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah berperanan selaku perantara dan pemudahcara dalam mewujudkan projek *'Better Brighter Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang'* ini.
8. Sejak tahun 2006, YKN telah melaksanakan projek Anjung Kasih dan kini terdapat lapan buah Anjung Kasih di seluruh Malaysia yang telah memberi manfaat kepada 54,687 orang penghuni.
9. Pada masa kini Anjung Kasih YKN yang telah beroperasi sepenuhnya di hospital-hospital kerajaan adalah seperti berikut:
 - a. Hospital Selayang, Selangor
 - b. Hospital Sultan Ahmad Shah di Temerloh, Pahang
 - c. Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan Pahang
 - d. Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh Perak
 - e. Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan
 - f. Hospital Sibul, Sarawak
 - g. Hospital Umum Sarawak
 - h. Hospital Miri, Sarawak

10. Terdapat dua buah telah siap dibina dan bakal beroperasi pada tahun ini di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Tuanku Fauziah Kangar, Perlis dan terdapat tiga buah lagi sedang dalam pembinaan dan dijangka mula beroperasi pada tahun 2019. Ketiga-tiga Anjung Kasih YKN ini akan beroperasi di:
 - i. Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Kedah
 - ii. Hospital Sultanah Aminah Johor
 - iii. Hospital Queen Elizabeth II Kota Kinabalu, Sabah.
11. Secara keseluruhannya, YKN akan mempunyai 14 buah Anjung Kasih di seluruh Negara setelah kesemuanya beroperasi kelak.
12. Anjung Kasih YKN ini merupakan kemudahan penginapan sementara kepada ahli-ahli keluarga yang mengiringi atau menemani pesakit di hospital-hospital kerajaan. Penderitaan yang dialami seorang pesakit turut dirasakan ahli keluarganya dan orang yang dikasihi.
13. Tanggungjawab dan keperluan untuk menjaga ahli keluarga/saudara mara/sahabat yang sedang dirawat di hospital boleh menjadi satu kesukaran bagi sesetengah pihak lebih-lebih lagi apabila mereka kurang berkemampuan daripada sudut kewangan.
14. Kerajaan prihatin terhadap situasi begini dan cuba meringankan sedikit beban ini dengan menawarkan penginapan percuma untuk ahli keluarga pesakit supaya mereka dapat bersama semasa rawatan dijalankan.
15. Selain itu YKN turut melaksanakan projek YKN Dialisis, iaitu pusat rawatan dialisis yang berkonsepkan mesra keluarga, termasuk kemudahan logistik dan aktiviti kebajikan melibatkan ahli keluarga pesakit.
16. YKN turut bertanggungjawab menubuhkan Anjung Singgah YKN iaitu perkhidmatan penginapan sementara yang memberi khidmat sosial dan intervensi kepada golongan gelandangan yang ingin berubah.
17. Pada masa ini terdapat lima buah Anjung Singgah YKN dan enam (6) buah YKN Dialisis di seluruh negara.
18. Untuk makluman, pemilihan Hospital Serdang bagi projek '*Better Brighter Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang*' sudah pasti mengambil kira peranan hospital ini sebagai hospital rujukan yang menerima pesakit dari seluruh negara termasuk mereka yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan di sini.
19. Saya percaya semua pihak sama ada TNB selaku badan korporat yang menyumbang; Hospital Serdang selaku badan kerajaan; Yayasan Kebajikan Negara selaku pelaksana; dan waris pesakit selaku penerima manfaat kini mampu tersenyum lebar dengan sempurnanya projek '*Better Brighter Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang*'.

BETTER BRIGHTER ANJUNG KASIH YKN @ HOSPITAL SERDANG

20. Kita telah lihat dalam video yang ditayangkan sebentar tadi betapa selesanya kemudahan yang disediakan dan saya yakin ianya akan dimanfaatkan sebaiknya.
21. Paling istimewa waris pesakit yang akan menggunakan kemudahan '*Better Brighter Anjung Kasih @ Hospital Serdang*' pada masa ini tidak akan dikenakan sebarang bayaran. Ianya adalah percuma. Waris pesakit hanya perlu membayar deposit kunci sewaktu mendaftar masuk.

22. Oleh kerana kemudahan ini disediakan secara percuma sudah pasti kita akan menetapkan kriteria tertentu bagi memastikan hanya golongan yang berkelayakan yang terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan tidak mempunyai saudara-mara yang tinggal berhampiran hospital akan dibenarkan menghuni '*Better Brighter Anjung Kasih @ Hospital Serdang*'.
23. Istimewanya '*Better Brighter Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang*' ini, YKN turut melaksanakan projek perintis dengan menyediakan khidmat kaunseling kepada penghuni yang akan dilaksanakan oleh sukarelawan kaunselor berdaftar di kalangan '*Friends of YKN*' yang dikenali sebagai Sukarelawan Kaunselor Kasih.
24. Kepada waris pesakit yang akan menggunakan kemudahan di '*Better Brighter Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang*', saya mohon supaya dapat menghargai dan menjaga kemudahan tersebut demi kelangsungan kepada penghuni lain yang memerlukan kelak.
25. Saya menyeru dan mengalu-alukan badan korporat lain untuk tampil dan membantu mereka yang memerlukan dan mencontohi TNB atas sumbangan yang diberikan demi kelangsungan hidup mereka yang memerlukan.

INISIATIF KERAJAAN

26. Kerajaan sentiasa prihatin dan komited dalam membantu kebajikan serta keperluan setiap lapisan masyarakat di negara ini. Perancangan dan pelaksanaan Kerajaan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat amatlah memerlukan kerjasama daripada semua pihak khususnya syarikat korporat, NGO dan perseorangan.

PENUTUP

27. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan '*Better Brighter Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang*' pada hari ini.

Sekian, terima kasih.